

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**  
**DARIPADA** : **DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA**  
**SOALAN** : **Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan Kementerian untuk melaksanakan insurans padi untuk pesawah padi yang mengalami kerugian akibat bencana serta ancaman makhluk perosak.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memutuskan supaya pelaksanaan Skim Takaful Padi bagi pengusaha sawah berskala kecil ini tidak diteruskan memandangkan ianya tidak menyeluruh dan hanya meliputi sektor padi.

Bagi memastikan nasib petani, penternak dan pengusaha terus dibela, Kerajaan telah mewujudkan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan yang merangkumi subsektor tanaman (padi, sayur-sayuran dan buah-buahan), ternakan veterinar, ternakan akuakultur dan industri asas tani (IAT) bagi membantu petani, penternak dan pengusaha berskala kecil memulihkan semula projek mereka yang

terjejas akibat bencana. Tabung ini mula dilaksanakan pada tahun 2014 dan bayaran telah dibuat pada petani, penternak dan pengusaha kecil yang terlibat dengan bencana banjir yang berlaku pada awal tahun 2014 dan bencana kemarau (El-Nino) yang berlaku pada Jun 2014.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' DR. MUJAHID YUSOF  
DARIPADA RAWA [ PARIT BUNTAR ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah murid miskin sekolah menerima Rancangan Makanan Tambahan. Adakah Kementerian bercadang Rancangan Makanan Tambahan ini dilanjutkan kepada pelajar miskin di peringkat sekolah menengah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa prihatin membantu murid/pelajar miskin bagi membantu meningkatkan motivasi dan minat belajar. Seramai 579,641 orang murid miskin di sekolah rendah telah mendapat bantuan Rancangan Makanan Tambahan pada tahun 2014. Pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk memperluaskan program ini kepada murid sekolah menengah.